

Laporan polis, BPR dibuat terhadap Ketua Menteri Sarawak
Malaysiakini.com
April 14, 2007
Tony Thien

Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sarawak membuat laporan polis dan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berhubung dakwaan skandal sogokan membabitkan RM32 juta.

Laporan tersebut dibuat oleh Pengerusi PKR Sarawak, Wan Zainal Abidin Wan Senusi di balai polis pusat Kuching dan ibu pejabat BPR, yang menggesa pihak berkuasa menyiasat dakwaan tersebut yang dilaporkan oleh akhbar Japan Times. Akhbar tersebut melaporkan 'sogokan' berpuluh juta ringgit telah dibayar oleh kartel perkapalan Jepun, dalam tempoh tujuh tahun, kepada sebuah syarikat Hong Kong yang dikaitkan dengan Taib dan keluarganya.

Perkara tersebut dikesan oleh pihak berkuasa percukaian Jepun yang menganggap bayaran tersebut 'tidak sah' kerana perkhidmatan yang diberikan oleh ejen Hong Kong itu – yang dipercayai wujud atas kertas sahaja – tidak sepadan dengan jumlah bayaran tersebut.

Eksport kayu balak Sarawak dikuasai oleh kerajaan negeri melalui Dewaniaga Sarawak yang diketuai oleh adik lelaki Taib.

Akhbar Japan Times melaporkan, firma-firma Jepun mungkin dikenakan bayaran lebih 400 juta yen (RM11.6 juta) tunggakan cukai serta hukuman yang berat kerana 'menyembunyikan' dana tersebut daripada pengetahuan pihak berkuasa.

Atas permintaan PM

Sementara itu, Wan Zainal Abidin memberitahu pemberita, laporan tersebut dibuat ekoran reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terhadap dakwaan tersebut.

"Kami melakukannya ekoran kenyataan Perdana Menteri bahawa laporan perlu dibuat untuk membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan," katanya.

Pada 12 April lalu, Abdullah berkata, beliau belum lagi menerima sebarang laporan mengenai perkara itu dan juga membayangkan beliau meragui kredibiliti laporan akhbar Japan Times itu.

Abdullah dilaporkan oleh akhbar the Star sebagai berkata, mereka yang membuat laporan tersebut boleh memberi maklumat mengenainya kepada kerajaan kerana siasatan tidak boleh dibuat hanya berdasarkan kepada laporan akhbar.

Dalam satu lagi perkembangan, Ahli Parlimen Bandar Kuching, Chong Chieng Jen berkata, beliau telah menulis kepada Taib untuk meminta penjelasannya berhubung dakwaan yang dibuat dalam laporan tersebut.

"Perkara ini telahpun dilaporkan seluruh dunia. Oleh itu, integriti kerajaan negeri bergantung kepada penjelasan memuakan dari (Tan Sri) Taib," kata Chong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Sentosa.

Taib mungkin saman

Sementara itu, Taib memberi amaran mungkin mengambil tindakan undang-undang terhadap pertubuhan media luar negara dan tempatan berhubung laporan tersebut bagi 'membersihkan namanya'.

Taib merupakan ketua menteri yang paling lama berkhidmat dan dipercayai salah seorang ahli politik yang terkaya – keluarganya memiliki kepentingan perniagaan yang besar di Sarawak sejak beliau memegang kuasa 26 tahun yang lalu.

Antaranya termasuk syarikat tersenarai Cahaya Mata Sarawak (CMS) – yang terbabit dalam bidang perbankan, perkhidmatan kewangan dan pembinaan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/65940>